

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 JULY 2017

Mahathir bertanding PRU-14 lawan Najib di Pekan

# Tidak masuk akal

UM  
- 24/7/2017  
Pg. 3

Oleh **ABDUL RASHID  
ABDUL RAHMAN**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LIPIS 23 JULAI**

**K**ENYATAAN Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk bertanding di kerusi Parlimen Pekan yang disandang Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) akan datang tidak masuk akal dan hanya untuk meraih populariti.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, kenyataan yang dibuat sewaktu persidangan UMNO dijalankan di seluruh negara itu juga dilihat sebagai satu taktik mengganggu perhatian ahli-ahli UMNO.

“Kalau Tun Mahathir berani bertanding di Pekan, saya cabar dia. Dan saya sendiri bersama Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi (Timbalan Perdana Menteri) serta seluruh pemimpin Barisan Na-

sional (BN) akan tetap bersama-sama di Pekan mempertahankan kedudukan Datuk Seri Najib.

“Saya tengok itu kenyataan yang populis lebih-lebih lagi dalam suasana kita bersidang di bahagian ini, beliau cuba mengaburi mata ahli UMNO dengan perkara yang tidak masuk akal,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Cameron Highlands di Dewan UMNO Cameron Highlands dekat sini hari ini.

Yang hadir sama, Ketua UMNO Bahagian Cameron Highlands, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail; Ketua UMNO Bahagian Raub, Datuk Seri Shahiruddin Ab. Moin dan pemimpin sayap UMNO bahagian Cameron Highlands.

Menurut Hishammuddin, beliau menaruh keyakinan Perdana Menteri akan mendapat sokongan padu daripada masyarakat dalam pilihan raya umum akan datang.

Katanya, pelbagai usaha dan pendekatan yang dibawa Najib telah dapat membantu segenap

lapisan rakyat serta membawa kemajuan dan kemakmuran negara.

Dalam pada itu, mengulas kenyataan Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Rafizi Ramli yang mendakwa sokongan orang Melayu terhadap pakatan pembangkang meningkat, beliau berkata, ia adalah andaian semata-mata yang tidak berlandaskan kepada fakta.

Katanya, andaian tersebut hanyalah sekadar untuk menarik perhatian terutama menjangkit pilihan raya umum dan bukanlah sesuatu yang serius.

Sementara itu, dalam ucapan, beliau berkata, semua ahli UMNO perlu meletakkan kesetiaan kepada parti sebagai perkara utama dalam memastikan perjuangan UMNO yang menjadi wadah membela agama, bangsa dan negara berterusan.

Katanya, kepentingan parti hendaklah melebihi kepentingan peribadi dan keputusan yang dibuat hendaklah tidak berasaskan kepada emosi semata-mata tetapi berdasarkan kepentingan semua.